

TALKING POINT
BRIG. JEN. DATUK PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN
NAIB CANSOLOR
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
SEMPENA MAJLIS IHTIFAL IHYA' RAMADHAN @ UniMAP 1435H/2014
PADA 7 JULAI 2014
DI DEWAN 2020, KANGAR, PERLIS.

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam 1 Malaysia

Salam Perlis "Raja Berdaulat, Rakyat Berilmu, Negeri Sejahtera, Perlis Maju"

dan

Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP

Mengadap Raja Perlis Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, dan Raja Perempuan Perlis Duli Yang Maha Mulia Tuanku Tengku Fauziah Binti Al-Marhum Tengku Abdul Rashid.

Terlebih dahulu patik bagi seluruh warga kerja Universiti Malaysia Perlis ingin merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga di atas perkenan Tuanku berdua bercemar duli berangkat menghadiri majlis **Ihtifal Ihya' Ramadhan @ UniMAP** bersama sekalian warga UniMAP pada petang ini.

Ampun tuanku

Patik juga ingin merafak sembah, menjunjung penuh kasih kepada Raja Muda Perlis Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni

Unit Media- Basri edited

Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail yang juga Canselor UniMAP dan Raja Puan Muda Perlis Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah Khalil yang juga merangkap Pro-Canselor UniMAP kerana sudi bercemar duli menghadiri majlis pada petang ini.

Sesungguhnya kehadiran Duli-duli Tuanku pada petang ini memberi seribu kemeriahan kepada kami warga UniMAP. Patik sekalian menjunjung kasih atas perkenan Duli Tuanku berdua yang saban tahun terus menyokong program Ihtifal Ihya' Ramadhan ini.

Ampun Tuanku, sembah Patik Mohon Diampun,

Izinkan patik menyampaikan ucapan kepada barisan tetamu yang hadir.

Ampun Tuanku,

SALUTASI

Yang Amat Berhormat Datuk Seri Azlan Man, Menteri Besar Perlis dan Y.Bhg Datin Seri,

Yang Berhormat, Tuan Haji Hamdan Bahari, Speaker Dewan Undangan Negeri Perlis

Yang Berhormat Tuan Romli Da'i, Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis,

Yang Berhormat Tuan Wan Jefry Kasim, Penasihat Undang-Undang Negeri Perlis

Yang Berhormat Ahli-Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis,

Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Perlis dan Ahli-Ahli Yang Berhormat

Unit Media- Basri edited

Ketua-ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri Perlis

The Honourable Dr. Bilal Philips, Rector of Islamic Online University,

Yang Berbahagia Timbalan –Timbalan Naib Canselor UniMAP

Pegawai-Pegawai Utama UniMAP, Dekan-dekan, Ketua-Ketua Jabatan,

Wakil-wakil Media, Para Pelajar, seterusnya hadirin yang saya kasihi sekalian.

KATA ALU-ALUAN

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah dan izinNya kita diberi kesempatan untuk kita melaksanakan ibadat puasa pada hari yang kesembilan ini, Semoga kita akan beroleh kekuatan seperti ini untuk mengharungi 21 hari lagi.
2. Selawat dan salam kepada junjungan besar kita Nabi Muhammad S.A.W. Penghulu segala Rasul, pembawa rahmat sekalian alam.
3. Terlebih dahulu di kesempatan ini, ingin saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada ahli jawatankuasa **Majlis Ihtifal Ihya' Ramadhan @ UniMAP 1435H** yang telah bertungkus lumus bagi memastikan program kita pada malam ini berjalan dengan lancar dan membolehkan kita berkumpul pada hari yang berbahagia ini.
4. Seperti yang kita sedia maklum, **Majlis Ihtifal Ihya' Ramadhan @ UniMAP** ini adalah sebahagian dari aktiviti tahunan UniMAP dalam mengimarahkan bulan Ramadhan. Di bulan yang mulia ini kita diberikan peluang untuk melaksanakan amal ibadat sama ada sunat

Unit Media- Basri edited

atau fardhu bagi mengumpulkan pahala yang berlipat ganda yang dijanjikan oleh Allah S.W.T.

5. Saya dimaklumkan bahawa Pusat Islam UniMAP merancang begitu banyak aktiviti yang bermanfaat untuk kita semua untuk memanfaatkan bulan yang mulia ini. Antara aktiviti tersebut adalah Pertandingan Tilawah Al-Quran Antara Jabatan, Nasyid Antara Jabatan, Solat Jumaat Bersama Masyarakat Perlis, Program Memasak Bubur Lambuk, Forum Bicara Muslimah dan lain-lain lagi.

Hadirin dan hadirat sekalian,

PELANCARAN APLIKASI TELEFON PINTAR /TABLET ANDROID KEPADA STAF DAN PELAJAR UniMAP

6. Alhamdulillah, di zaman serba teknologi dengan capaian maklumat di hujung jari ini, uniMAP mengorak langkah setapak lagi melalui Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (ICT) yang telah berjaya membangunkan dua (2) aplikasi telefon pintar/tablet atau 'apps' berasaskan sistem pengoperasian Android iaitu UniMAP Staff dan UniMAP Student News. Aplikasi ini boleh dicapai daripada telefon pintar/tablet berplatform Android setelah pengguna memuat turun aplikasi ini melalui Google Play Store. Aplikasi ini boleh dimuat turun dengan memasukkan kata kunci "unimap" pada menu carian Google Play Store.
7. Melalui aplikasi ini warga UniMAP boleh mendapat maklumat terkini tentang semua berita yang dihebahkan samada melalui Portal UniMAP dan Laman Web Rasmi UniMAP. Dan sebagai kemudahan kepada Staf UniMAP, beberapa aplikasi tambahan turut disediakan di dalam aplikasi UniMAP Staff:
 - K-Kedatangan

- IUSHRM
- Academic Management Information System (AMIS)
- Graduate Academic Management Information System (GAMIS)

Manakala bagi aplikasi UniMAP Student News, berita terkini yang dipaparkan di Laman Web Rasmi UniMAP boleh dilihat secara terus oleh pelajar melalui aplikasi ini. Selain itu, pelajar juga boleh melihat hebahan terkini dari Portal UniMAP berkaitan dengan:

- News & Events
- Academic Bulletin Board
- Career Opportunities

8. Dengan wujudnya aplikasi yang menggunakan telefon pintar/tablet sebagai media capaian ini, saya berharap ianya dapat memberi kemudahan kepada seluruh warga UniMAP dalam mendapatkan informasi terkini di mana-mana lokasi tanpa perlu bergantung kepada kemudahan laptop/desktop bersesuaian dengan budaya kerja berbentuk 'mobiliti' masakini.

PENGLIBATAN DALAM MILITAN

9. Baru-baru ini kita digemparkan dengan berita mengenai penglibatan rakyat Malaysia dengan aktiviti militan dan salah seorang dari lima individu yang diburu Polis Diraja Malaysia merupakan Pensyarah dari Fakulti Pengajian Islam Universiti Malaya (UM).
10. Isu ini dianggap serius kerana pensyarah merupakan individu yang paling rapat dengan pelajar serta mampu mempengaruhi dan merekrut ahli baru kumpulan militan. Di sini saya ingin memberi amaran kepada semua warga UniMAP agar jangan melibatkan diri dengan aktiviti yang berkaitan dengan militan. Gunakanlah kelebihan akal yang Allah berikan untuk berfikir secara waras.

11. Kepada para pelajar yang saya kasihi, anda sebagai bakal pemimpin negara di masa hadapan, seharusnya memanfaatkan masa dan peluang yang ada untuk terlibat aktif di dalam program-program yang dianjurkan pihak universiti bukannya menyertai kumpulan penganas yang boleh merosakkan diri dan negara.
12. Malahan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom, turut melarang Umat Islam di negara ini dari melibatkan diri dalam peperangan di Syria atas nama jihad. Beliau berkata, rakyat tidak sepatutnya membuat keputusan untuk melibatkan diri tanpa mengkaji adakah peperangan itu dianggap jihad. Malah, golongan yang terlibat dalam peperangan itu juga tidak mengharapkan rakyat Malaysia turut serta dalam konflik tersebut.
13. Oleh itu, kita perlulah mendapat maklumat yang tepat dari kerajaan dan bukannya hanya mendengar khabar angin yang boleh membawa kita ke jalan yang salah.

PENUTUP

Ampun Tuanku,

10. Sekian sahaja sembah ucapan patik. Akhir kata sekali lagi patik mewakili seluruh warga UniMAP ingin merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga ke bawah Duli-Duli tuanku kerana sudi bercemar duli berangkat ke Majlis Ihtifal Ihya Ramadhan 1435H ini.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.